



UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

MAKLUMAT MPJBT MELALUI AKHBAR UNTUK BULAN MEI 2017

BIL.	NO. RUJUKAN	TARIKH	JENIS AKHBAR	JENIS ARTIKEL	TAJUK
1.	05 -2017/001	15.05.2017	Sinar Harian	Info PBT	77 peniaga warga asing dikenakan tindakan
2.	05 -2017/002	15.05.2017	Harian Metro	Info PBT	77 premis peniagaan warga asing dikenakan tindakan

RINGKASAN LAPORAN UNTUK BULAN MEI 2017:

JENIS ARTIKEL	JUMLAH
ADUAN	0
INFO MPJBT	0
INFO PBT	2
JUMLAH	2



MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH

No. Daftar : 05-2017/001
Tarikh : 15.05.2017 (Isnin)
Jenis Akhbar : Sinar Harian
Jenis Artikel : Info PBT
Tajuk Artikel : 77 peniaga warga asing dikenakan tindakan

77 peniaga warga asing dikenakan tindakan

ISKANDAR PUTERI - Kira-kira 77 peniaga dan penjaja warga asing telah menerima notis henti niaga, tindakan kompaun dan sita sepanjang tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Md Jais Sarday berkata, semua tindakan itu diambil menerusi ops bersepadu yang dijalankan pihak berkuasa tempatan (PBT) bersama Imigresen.

“Mereka melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian dan Undang-undang Kecil Penjaja yang diguna pakai di semua PBT negeri ini.

“Daripada jumlah itu, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) mengambil tindakan sebanyak 26 premis, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (18), Majlis Perbandaran Kluang (16), Majlis Perbandaran Muar (12) dan Majlis Perbandaran Kulai (lima),” katanya semasa persidangan kelima Dewan Negeri Johor ke-13, di Kota Iskandar, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Adun Sungai Balang, Zaiton Ismail dan Adun Bukit Permai, Ali Mazat Salleh mengenai kehadiran peniaga warga asing di kawasan kampung dan bandar serta tindakan kerajaan terhadap mereka.





MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH

No. Daftar : 05-2017/002
Tarikh : 15.05.2017 (Isnin)
Jenis Akhbar : Harian Metro
Jenis Artikel : Info PBT
Tajuk Artikel : 77 Premis perniagaan warga asing dikenakan tindakan

77 premis perniagaan warga asing dikenakan tindakan

Sebanyak 77 premis perniagaan yang dijalankan warga asing di negeri ini sudah dikenakan tindakan menerusi Ops Bersepadu bermula Januari hingga awal bulan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri Datuk Md Jais Sarday berkata, operasi berkenaan dijalankan pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menurutnya, kerajaan negeri memandang serius masalah peniaga dan penjaja warga asing kerana tidak pernah memberikan sebarang lesen kepada mereka.

“Kerajaan negeri hanya memberikan lesen perniagaan kepada warga asing yang menjalankan perniagaan perdagangan, perniagaan berskala besar dan perindustrian, manakala penjaja dan peniaga runcit hanya diberikan kepada peniaga tempatan.



Kerajaan negeri hanya beri lesen perniagaan kepada warga asing yang menjalankan perniagaan perdagangan, perniagaan berskala besar dan perindustrian”

Md Jais Sarday

“Berikutan itu, kami menjalankan Ops Bersepadu dan mengambil tindakan ke atas 77 peniaga. Daripada jumlah itu, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) mengambil tindakan ke atas 26 premis, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (18); Majlis Perbandaran Kluang (16); Majlis Perbandaran Muar (12) dan Majlis Perbandaran Kulai (lima),” katanya pada Mesyuarat Pertama Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Johor ke-13, di sini, semalam.

